

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TUAN NGA KOR MING [TELUK INTAN]

TARIKH : 8 DISEMBER 2020 (SELASA)

SOALAN

TUAN NGA KOR MING [TELUK INTAN] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan nama Menteri dan Timbalan Menteri yang masih belum mengisytiharkan harta kepada SPRM setakat ini dan apakah tindakan akan diambil terhadap mereka.

JAWAPAN

**YB DATO' TAKIYUDDIN BIN HASSAN, MENTERI DI JABATAN
PERDANA MENTERI (PARLIMEN DAN UNDANG-UNDANG)**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kesemua Ahli Jemaah Menteri dan Timbalan menteri telah pun telah mengemukakan sesalinan perisytiharan harta kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM). SPRM hanya menyediakan *platform* untuk pemaparan harta melalui *website*.

Walau bagaimanapun, Ahli Parlimen yang gagal mengisytiharkan harta akan dirujuk kepada Jawatankuasa Hak dan Kebebasan Parlimen mengikut Peraturan Mesyuarat 80 Peraturan-Peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat kerana melanggar hak dan keistimewaan majlis.

Sekian, terima kasih.